

07 OCT 2002

S'pura-Melayu

PERHAKAM SOKONG KENYATAAN DR MAHATHIR

Oleh: Salbiah Said

SINGAPURA, 7 Okt (Bernama) -- Perhimpunan Hak Asasi Melayu (Perhakam) Singapura menyeru orang Melayu di Malaysia supaya memandang serius kenyataan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mengingatkan mereka tidak terus bersengketa sesama sendiri bagi mengelakkan daripada menjadi kaum minoriti seperti di Singapura.

"Yang membimbangkan, jika dilihat pada jumlah penduduk orang Melayu dan bukan Melayu di Malaysia, jaraknya tidak begitu banyak. Jadi jika orang Melayu di Malaysia sering bersengketa, maka ada kemungkinan orang Melayu di Malaysia menjadi seperti orang Melayu di Singapura," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Seorang pegawai Perhakam, Mohamed Mansor Abdul Rahman juga memetik penulisan Allahyarham Tun Abdul Razak dalam buku Umno mengenai pemisahan Singapura dari Malaysia, yang mengingatkan peristiwa hitam orang Melayu kehilangan negerinya oleh kerana sikap orang Melayu yang "sudah terantuk baru terngadah."

"Dengan nasihat dari YAB Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia, menunjukkan bahawa dua pemimpin agung Malaysia telah mengingatkan orang Melayu di Malaysia jangan saling bersengketa. Akibatnya sangat buruk kepada bangsa Melayu di Malaysia," katanya.

Menurut Mohamed Mansor lagi, "Ada kebenarannya, apa yang dikatakan oleh YAB Datuk Seri Dr Mahathir bahawa berapakah jeneral Melayu ada di Singapura dan berapa setiausaha dalam jabatan-jabatan di Singapura yang terdiri daripada orang Melayu."

Sehingga ini, katanya, "tidak kelihatan seorang pun orang Melayu yang memegang jawatan setiausaha di mana-mana jabatan kerajaan Singapura walaupun orang Melayu telah mencapai kejayaan dalam pengajian tinggi."

Misalnya, dalam Angkatan Bersenjata Singapura (SAF), hanya ada satu juruterbang Melayu tapi itupun bagi pesawat pengangkut kargo. Dalam Angkatan Bersenjata Singapura (SAF) ada tempat-tempat tertentu, orang Melayu dilarang memasuki atau melintasi kawasan larangan itu, katanya.

Menurut Dr Mahathir, orang Melayu di Malaysia pada suatu ketika dahulu nyaris mengalami nasib seperti Melayu Singapura sebagai kumpulan minoriti tetapi terselamat kerana kegawatan ekonomi pada tahun 1930-an memaksa ramai pendatang dari China dan India pulang semula ke tanahair masing-masing.

-- BERNAMA

SS PR